KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH AHAD (Dunia)			
TARIKH	:	7/11/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	KeTSA			

Masa depan hutan tunggu komitmen negara Asia Tenggara

Glasgow: Lebih 100 negara sudah menandatangani perjanjian untuk menghentikan dan melaksanakan pemulihan kawasan hutan yang diteroka serta terjejas menjelang 2030.

Komitmen itu dizahirkan selari pendekatan untuk memerangi kesan perubahan iklim dan usaha mengehadkan peningkatan suhu global.

Meskipun negara yang mempunyai kawasan hutan terbesar di dunia seperti Brazil, Indonesia dan Congo sudah menandatangani perjanjian berkenaan, kebanyakan negara di Asia Tenggara sehingga kini belum menyatakan sebarang tekad untuk berbuat demikian.

Secara kolektif, negara yang menandatangani perjanjian terbabit mewakili 85 peratus daripada keseluruhan kawasan hutan di dunia.

Antara negara anggota ASEAN, hanya Indonesia dan Vietnam yang sudah menyatakan komitmen terhadap perjanjian berkenaan.

Deklarasi Pemimpin Glasgow mengenai Hutan dan Penggunaan Tanah, yang dikeluarkan sempena rundingan berhubung perubahan iklim global COP26, menggariskan tekad untuk merintis usaha pemeliharaan hutan yang lebih baik, memacu pemulihan dan mempromosikan amalan lestari yang tidak menjurus kepada penerokaan mana-mana kawasan.

Turut dinyatakan ialah janji untuk memperkasakan Orang Asli dan komuniti tempatan, selain meningkatkan kadar pembiayaan bagi tujuan pertanian secara lestari serta pengurusan hutan.

Mengikut deklarasi itu, dana awam berjumlah AS$12 bilion (RM49.84 bilion) akan disalurkan untuk tempoh lima tahun akan datang kepada negara membangun, selain peruntukan tambahan yang bakal disediakan sektor swasta.

Hutan ialah aset terpenting dalam usaha mengekang kesan perubatan iklim. Institut Sumber Dunia mengunjurkan bahawa kawasan hutan menyerap hampir satu pertiga daripada keseluruhan karbon yang dibebaskan, namun keberkesanannya terjejas ekoran pelbagai kegiatan manusia, termasuk penerokaan kawasan hutan yang berterusan.

Asia Tenggara mewakili hampir 15 peratus daripada kawasan hutan tropika di dunia, tetapi turut merekodkan kadar penerokaan kawasan hutan yang paling cepat.

Tatkala kawasan hutan yang luas semakin lenyap, saintis berkata kawasan semula jadi yang tinggal perlu dilindungi untuk menjadi penyimpan karbon.

Peguam hak asasi manusia dan alam sekitar, Nonette Royo, meluahkan kekesalan terhadap kegagalan negara Asia Tenggara menandatangani perjanjian untuk menggalas tanggungjawab memelihara hutan.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Kemudahan Sementara untuk kerjasama dengan masyarakat tempatan ke arah pengurusan hutan secara lestari berkata, negara Asia Tenggara sebaliknya perlu tampil ke depan untuk menyatakan komitmen mereka.

"Tetapi ia belum menjadi penghalang bagi negara berkenaan kerana masih ada individu yang memeta, mendokumenkan dan menanti peluang untuk berbuat demikian supaya didaftarkan di dalam sistem," katanya kepada CNA pada luar sidang COP26.

Royo berkata, pengiktirafan peranan Orang Asli menerusi deklarasi pemimpin ialah perkembangan positif selepas beberapa tahun usaha sedemikian dirintis supaya 'suara' mereka didengari pada peringkat tertinggi.

Beliau turut menjelaskan impak peranan komuniti setempat di Indonesia, iaitu sebuah negara yang mempunyai sumber hutan dengan kawasan luas dan berupaya digunakan sebagai penjana sumber ekonomi menerusi dagangan karbon.

"Untuk Presiden Indonesia menyebut Orang Asli, ia sangat penting kerana Indonesia tidak pernah secara rasmi mengeluarkan kenyataan sedemikian.

"Sebaliknya, mereka sebut komuniti adat setempat, justeru ia sangat signifikan," katanya.

Deklarasi itu juga selari tekad berasingan untuk menyuntik dana pembiayaan berskala besar daripada kerajaan dan swasta untuk penjagaan sementara serta perlindungan hutan dalam kalangan orang asli dan komuniti setempat.

United Kingdom (UK), Jerman, Amerika Syarikat (AS) dan Belanda, memeterai sama dengan 17 pembiaya, untuk melabur A$81.7 bilion (RM7.06 bilion), iaitu peningkatan dana secara ketara bagi kegunaan kumpulan serta komuniti pelindung hutan, berbanding kadar tahunan semasa yang dianggar sekadar AS$46 juta (RM191.06 juta).

Dianggarkan, kelompok Orang Asli mengurus-kan kira-kira separuh daripada tanah di seluruh dunia dan 80 peratus daripada kepelbagaian biologi bumi.

Bagaimanapun, hak milik tanah kekal menjadi polemik dan komuniti ini dipinggirkan daripada sebarang proses membuat keputusan mengenai pengurusan hutan.

Aktivis Orang Asli dan bekas Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asli, Victoria Tauli Corpuz, berkata pihaknya mengalu-alukan komitmen pembiayaan, malah pertama kali menjadi saksi sebuah kerjasama global dalam kalangan negara berpengaruh dan pemberi dana yang memperakui peranan orang asli untuk menjaga khazanah alam semula jadi.

"Ini bukan sekadar berkisar mengenai menyelamatkan karbon. Usaha menyelamatkan hak Orang Asli juga memberi manfaat kepada keutuhan ekosistem dan kepelbagaian biologi kita, selain mengurangkan risiko pandemik.

"Kita akan tentukan jenis tanggungjawab bersandarkan budaya kita. Tiada penyelesaian secara semula jadi bagi menangani perubahan iklim jika peranan Orang Asli tidak diketengahkan dalam setiap peringkat cadangan," katanya pada majlis pelancaran pembiayaan baharu di Glasgow.

Royo berkata, pelbagai faktor ketika ini kekal menjadi ancaman terhadap sumber hutan global, termasuk perlombongan, pengeluaran bahan api fosil, penerokaan tanah bagi tujuan pertanian, pembalakan haram, penyeludupan dadah dan spekulasi pembiayaan.

Jelasnya, masih ada gerakan eksploitasi terhadap sumber hutan, dengan agenda pertumbuhan berkisar kepada gali, tebang, musnah dan penempatan.

"Satu-satunya cara bagi mendepani cabaran itu ialah menerusi perjanjian, sumbangan pada peringkat kebangsaan, tekad matlamat pembangunan lestari disuarakan kerajaan. Kita tidak mempunyai masa yang banyak," katanya.

Pengarah Eksekutif Pusat untuk Hutan dan Masyarakat (RECOFTC), David Ganz, berkata komuniti setempat perlu menjadi pemacu usaha bagi memastikan deklarasi disuarakan pelbagai negara mengecapi kejayaan, selain peruntukan dana berupaya memanfaatkan kawasan hutan yang menjadi aset penting di Asia Tenggara.

"Untuk menghentikan pembebasan karbon ini, Orang Asli dan komuniti setempat mesti diundang dalam setiap sesi rundingan bagi merangka keputusan berkaitan.

"Mereka perlu diberikan peranan penting dalam aspek pelaksanaan dan diberikan sokongan bagi memastikan mereka terbabit secara aktif dalam rangka tindakan menangani perubahan iklim.

"Komuniti hutan menyimpan penyelesaian terbaik bagi melindungi ekosistem kepelbagaian biologi berharga di dunia, namun tidak sampai satu peratus pembiayaan bagi menangani perubahan iklim sampai ke Orang Asli, pemilik asal dan komuniti setempat," katanya. AGENSI

